



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN SEBUT HARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta bertaraf **Bumiputra** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebut harga berikut :-

No. Sebut harga	Perihal Kerja	Harga Dokumen/ Tarikh Mula Dijual	Syarat Pendaftaran
MBJB/SH/ 150/2020	<p>Kerja-kerja membekal, memasang dan mentauliah sistem lampu isyarat di persimpangan Jalan Persiaran Kempas Baru / Jalan Dataran Utama, Johor Bahru</p> <p>Tarikh Iklan : 26.7.2020 Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 2.8.2020 (Ahad) Tempat : TAKLIMAT SECARA DALAM TALIAN (RUJUK PERENGGAN 3) Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang Tarikh Tutup : 9.8.2020 (Ahad) S/harga (Tepat 12.00 tgh) No.Fail : MBJB/U/2019/71/PRO/ULI/7</p> <p>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</p>	<p>RM 50.00</p> <p>3.8.2020 hingga 6.8.2020</p>	<p>CIDB Gred : G2 atau G3 atau G4 atau G5 atau G6 atau G7 Kategori : ME Pengkhususan: E04 DAN E11</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</p>

2. Penyebut harga diwajibkan untuk mendaftar syarikat secara dalam talian menggunakan sistem iPerolehan **sebelum** pendaftaran kehadiran taklimat dilakukan melalui laman sesawang **<https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan>**. Segala maklumat yang didaftarkan di dalam sistem iPerolehan hendaklah sama dan tepat sebagaimana lesen asal yang terkini dan bagi syarikat yang telah berdaftar, hendaklah memastikan maklumat sediaada adalah sama dan tepat sebagaimana lesen asal terkini dan dikemaskini sekiranya terdapat perubahan.

3. Sebagaimana saranan Perdana Menteri Malaysia, bagi amalan penjarakan sosial dalam situasi wabak Covid-19 yang melanda Malaysia, pihak MBBJ akan mengadakan pendaftaran taklimat pejabat untuk pengesahan kehadiran taklimat secara dalam talian (Sistem iPerolehan MBBJ) melalui laman sesawang seperti di atas pada tarikh **2.8.2020 (Ahad)** mulai jam **8.00 pagi sehingga 5.00 petang**. Hanya penyebut harga yang berdaftar dalam talian untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen.
4. Dokumen Sebut harga boleh didapati pada **tarikh pembelian seperti tertera di atas (9.00 pagi – 1.00 tgh, 2.00 ptg – 5.00 ptg)** di **kaunter jualan (berhampiran Lobi Utama) aras bawah, Pejabat MBBJ, Jalan Dato Onn**. Bayaran dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **DRAF BANK/ KIRIMAN WANG/ WANG POS** di atas nama **DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU** sahaja. Sila bawa bersama **Sijil - Sijil ASAL semasa membeli dokumen sebut harga sebagaimana berikut :-**
 - 4.1 : Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - 4.2 : Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK
 - 4.3 : No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat MALAYSIA (SSM)
5. Pendaftaran Sijil Kontraktor Johor (SKJ) oleh Johor Centre for Construction Development (JCCD) akan menjadi satu keutamaan dan syarat kepada para kontraktor untuk memasuki tender.
6. Dokumen Sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebut harga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru, 80400 Johor Bahru, Johor** sebelum jam **12.00 tengahari** pada **9.8.2020 (Ahad)**
7. Dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos biasa/pos laju hendaklah dialamatkan ke **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru, 80400 Johor Bahru, Johor** untuk dimasukkan di dalam Peti sebut harga **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas.
8. Penyebut harga yang tidak berjaya boleh mengambil semula dokumen sebut harga mereka di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru, Bukit Senyum, Johor Bahru dalam tempoh **sembilan puluh hari (90 hari) selepas tarikh tutup sebut harga**. Selepas tempoh tersebut, semua dokumen sebutharga yang tidak berjaya akan **DILUPUSKAN**.
9. Majlis tidak terikat samada menerima Sebut harga yang terendah harganya atau sebarang tawaran lain

Sekian, dimaklumkan.

ABDUL MALIK BIN HAJI ISMAIL

Setiausaha,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Tawaran dipamerkan juga di papan kenyataan sebagaimana berikut :

- i. Pejabat Majlis Bandaraya Iskandar Puteri*
- ii. Pejabat Daerah Johor Bahru*
- iii. Pejabat Jurutera Daerah JKR (D) Johor Bahru*
- iv. Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Johor Bahru*
- v. Pejabat Majlis Perbandaran Pasir Gudang*